# E-Pembelajaran Asas Perakaunan Islam Menerusi MOOC

Nurfarhana Mohd Daud

Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS)
Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Johor Branch, Segamat Campus

Email : nurfarhana0953@uitm.edu.my

**Abstrak**

Dalam era globalisasi moden, sistem pendidikan sedang berkembang dengan sangat pantas seiring dengan kecanggihan teknologi. Ini membawa cabaran besar kepada generasi muda kini. Berbeza dengan masa lalu, iaitu pendidikan lebih banyak diberikan secara bersemuka dan disebabkan kemajuan teknologi ini telah mendorong penyimpanan data secara digital atau e-pembelajaran. Sistem pendidikan negara telah terjejas akibat pandemik COVID-19 yang berlaku pada akhir 2019. Disebabkan keadaan ini, penyebaran dan penerimaan maklumat harus dilaksanakan secara maya. Oleh sebab terdapat hambatan dalam penyampaian maklumat kepada pelajar secara bersemuka, proses penyampaian maklumat menjadi lebih mencabar. Oleh itu, Massive Open Online Courses (MOOC), adalah platform interaktif yang bertujuan untuk memudahkan pelajar yang mengambil kod kursus Asas Perakaunan Islam (CTU 231) bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan subjek yang mereka pelajari. Dalam MOOC CTU231, terdapat bahan dan maklumat teras untuk kursus seperti sukatan pelajaran, slaid, video, permainan kuiz dan latihan mengikut topik. Platform ini membolehkan pelajar dan pensyarah menjimatkan masa melalui penyediaan akses pantas dan mudah kepada ini. Selain itu, maklum balas pelajar menunjukkan bahawa platform yang diperkenalkan ini adalah yang terbaik kerana mengandungi semua maklumat yang diperlukan pelajar tanpa perlu risau tentang ketinggalan pelajaran. Kesimpulannya, pemusatan bahan dan garis panduan yang berkenaan dengan kursus dapat memudahkan proses pembelajaran bagi pensyarah dan juga pelajar.

**Kata kunci:** Perakaunan, Islam, CTU231, MOOC, e-pembelajaran

# E-PEMBELAJARAN ASAS PERAKAUNAN ISLAM MENERUSI MOOC

## Abstrak

Dalam era globalisasi moden, sistem pendidikan sedang berkembang dengan sangat pantas seiring dengan kecanggihan teknologi. Berbeza dengan masa lalu di mana pendidikan lebih banyak diberikan secara bersemuka dan disebabkan kemajuan teknologi ini telah mendorong penyimpanan data seacara digital atau ayat lebih mudah secara e-pembelajaran.

Oleh itu, MOOC atau Massive Open Online Courses, adalah platform interaktif yang bertujuan untuk memudahkan pelajar yang mengambil kod kursus Asas Perakaunan Islam (CTU 231) untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan subjek yang mereka pelajari. Dalam MOOC Asas Perakaunan Islam (CTU231), terdapat bahan dan maklumat teras untuk kursus seperti sukatan pelajaran, slaid, video, permainan kuiz, latihan mengikut topik dll. Platform ini membantu pelajar dan pensyarah iaitu menjimatkan masa dengan menyediakan akses pantas dan mudah berkaitan maklumat kod kursus ini.

## 1.0 Objektif

- Memudahkan pelajar mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan subjek yang mereka pelajari.
- Membolehkan pelajar dan pensyarah menjimatkan masa dengan menyediakan akses pantas dan mudah secara e-pembelajaran.

## 2.0 Kelebihan

- Membuat capaian maklumat berkaitan subjek yang dipelajari seperti info kursus, bahan pembelajaran iaitu slaid dan video, latihan, permainan kuiz, bank soalan dll.
- Menjimatkan masa pelajar dan pensyarah kerana semua maklumat berpusat pada satu tempat (platform sentral) secara e=pembelajaran.
- Mengelakkan berlakunya keciciran dalam pelajaran.

## 3.0 Manfaat

- Memudahkan pelajar memperolehi sukatan pelajaran dan maklumat terkini tentang subjek secara berterusan.
- Membantu markah pelajar dalam penilaian berterusan mereka.

## 4.0 Novelti

- Masih belum ada platform khusus yang mengumpulkan semua maklumat berkenaan subjek Asas Perakaunan Islam (CTU231) secara e-pembelajaran.
- MOOC Asas Perakaunan Islam (CTU231) dibangunkan bagi membantu pelajar dan pensyarah mengakses maklumat dengan mudah dan pantas.

## 5.0 Potensi Komersialan

- Produk dalam bentuk laman sesawang.
- Mesra pengguna.
- Tidak perlu memuat turun.

- Rujukan pembelajaran bagi pelajar AC110 UiTM Malaysia & Kolej Bersekutu UiTM.
- Rujukan bahan pengajaran bagi pensyarah subjek Asas Perakaunan Islam (CTU231).

## 6.0 Perekacipta

Nurfarhana Bte Mohd Daud

Pejabat Perpustakaan
Librarian Office

Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak
Kampus Seri Iskandar
32610 Bandar Baru Seri Iskandar,
Perak Darul Ridzuan, MALAYSIA
Tel: (+605) 374 2093/2453 Faks: (+605) 374 2299

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)
Tarikh : 20 Januari 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERAK
TERIMA
25 JAN 2023
Tindakan
Universiti Teknologi MARA Perak
PEJABAT REKTOR

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak

Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN**
Timbalan Ketua Pustakawan

*nar*

Setuju.

27.1.2023

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR



Powered by CamScanner